

13/01/1998

Kestabilan politik kukuh semula ekonomi

DIALOG Pasifik selama tiga hari di ibu negara bermula semalam kita anggap berbeza daripada siri dialog yang lalu. Apa yang jelas, dialog keempat ini diadakan dalam suasana agak muram disebabkan isu kegawatan ekonomi yang masih belum selesai. Jika sebelum ini dialog yang turut membabitkan penyertaan negara maju dan membangun, boleh memperincikan pelbagai topik, termasuk soal perdagangan, dasar perindustrian dan kesan pusingan rundingan ekonomi termasuk rundingan Uruguay, kali ini soal urusan mata wang, lebih dilihat menjadi agenda utama. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan majlis itu memastikan kerusi dengan membangkitkan isu mata wang.

Topik ini mendapat perhatian bukan disebabkan isu lain tidak penting, tetapi keadaan hari ini mendesak supaya isu kemerosotan nilai mata wang perlu ditangani secepat mungkin. Kita tidak nampak ada negara maju yang boleh mendapat faedah daripada kesulitan yang dihadapi oleh beberapa negara di rantau ini sama ada Indonesia, Thailand, Malaysia, Korea Selatan dan sebagainya. Negara maju, secara langsung juga menerima kesannya. Apabila negara yang terbabit dengan masalah ekonomi mula mengawal perbelanjaan, tidak mengemukakan tender untuk projek baru yang sepatutnya dilaksanakan oleh kontraktor asing, mengurangkan import dan sebagainya, ia akan mengecilkan peluang ekonomi negara lain. Oleh itu, usaha membetulkan keadaan ekonomi di Malaysia, bermakna percubaan memulihkan ekonomi di rantau ini. Selagi negara yang dilanda masalah tidak dapat memulihkan keadaan ekonomi masing-masing, ia hanya memperlambatkan proses pemulihan ekonomi seluruh rantau ini.

Memang ada tanda positif keadaan ekonomi akan pulih, tetapi ia memerlukan usaha dan keazaman yang tinggi. Amerika Syarikat, menerusi beberapa pelabur termasuk konglomerat insurans negara itu, American International Group (AIG) International yang memiliki sepenuhnya American International Assurance (AIA), menyatakan komitmen untuk terus melabur di Malaysia. Kita yakin jaminan yang dibuat oleh Presiden AIG, Maurice Greenberg dan pelabur Amerika lain dibuat sekadar untuk mengambil hati. Mereka tidak perlu bersusah payah ke negara ini, jika tidak lagi berminat dengan suasana pelaburan di Malaysia.

Kehadiran bekas Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Henry Kissinger dan Setiausaha Pertahanan negara itu, William Cohen membuktikan Malaysia dan Amerika Syarikat adalah rakan yang masih akrab. Kehadiran Kissinger boleh dianggap sebagai satu mesej bahawa Malaysia tidak membenci mana-mana kaum di bumi ini.

Suatu perkara yang perlu diakui pelabur asing ialah kejatuhan nilai mata wang dan pasaran saham secara serentak yang dihadapi Malaysia tidak menampakkan suasana panik di kalangan rakyat. Segala kegiatan masih diteruskan seperti biasa. Rakyat pun lebih rasional berbelanja. Kata kunci kepada kejayaan Malaysia ketika mengharungi keadaan getir ini disebabkan keadaan negara ini stabil terutama di segi politiknya. Walau di segi ekonominya, keadaan agak goyah, namun ia masih mampu bertahan. Atas dasar inilah Dr Mahathir menjelaskan rahsia kejayaan negara ini menangani kejatuhan nilai mata wang dan pasaran saham, dengan agak baik - disebabkan wujudnya kestabilan. Seandainya tidak wujud kestabilan di Malaysia dalam tempoh beberapa bulan yang lalu, keadaannya mungkin berbeza. Walaupun ramai yang mengeluh namun kita belum mendengar tindakan melulu yang diambil rakyat, umpamanya mengadakan demonstrasi dan sebagainya. Kita juga

tidak nampak pihak tertentu termasuk ahli politik, cuba mempolitikkan isu kegawatan ekonomi ini kerana tahu, ia bukanlah fenomena yang dicipta tetapi datang tanpa diduga.

Jika dalam keadaan tertekan sekarang, Malaysia dapat menguruskan ekonominya dengan baik, kita tidak nampak sebab pelabur asing harus bimbang dengan kemampuan ekonomi negara ini. Dalam keadaan getir Malaysia boleh bertahan, rasanya pencapaian yang baik boleh diusahakan dalam keadaan normal. Pada Perdana Menteri, melabur di Malaysia adalah satu tindakan yang bijak. Malangnya, meskipun keadaan Malaysia masih dianggap stabil, kita juga terpengaruh dengan faktor sekeliling. Itulah sebabnya kerajaan mahu kestabilan bukan saja wujud di Malaysia, malah seluruh rantau ini.

(END)